

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH **PESTA TUBUH DAN DARAH KRISTUS**

MENJADI MURID - MURID HARAPAN



TEMA BULANAN:

Mengambilah, Memecahkanlah dan Memberikanlah Dalam Kristus

Perjanjian Disempurnakan

Nabi Musa menyembelih lembu jantan sebagai korban, dan menyiramkan darah korban itu ke atas umatnya sebagai tanda perjanjian dengan Allah Israel. Menurut perjanjian itu, bangsa Israel berjanji akan mengikut firman Allah dengan hati nurani yang suci. Memandangkan kepada Yesus Kristus, Dia menyediakan diri-Nya untuk menjadi korban bagi perjanjian baru. Pengorbanan ilahi-Nya kini menjadi Tabernakel yang baru. Dengan kedatangan Yesus, perjanjian antara Allah dan umat-Nya telah dipenuhi dengan sempurnanya. Yesus adalah Putera Tuhan yang diramalkan, iaitu pengantara 'Perjanjian Baru' yang membawa semua umat manusia kepada Bapa-Nya.

Kerana Kristus sendiri telah mengatakan, 'Inilah Tubuh-Ku', maka siapakah berani tidak mempercayai bahawa itu bukan Tubuh-Nya?"

- Santo Cyril dari Yerusalem

Darah yang telah ditumpahkan oleh Yesus menjanjikan pengampunan dosa manusia. Sebelum kedatangan Yesus, perkara ini tidak pernah diajar oleh sesiapa pun, Oleh sebab ini ahli-ahli Taurat sangat marah terhadap Yesus. Sememangnya lembu jantan tercela, tetapi Mesias tidak tercela. Darah lembu jantan tidak dapat menjadi perantara dengan Allah, tetapi darah Yesus, Penebus kita, dapat berbuat demikian. Lembu jantan tidak boleh merayu bagi pihak kita, tetapi Yesus Penyelamat boleh melakukan ini untuk kita. Lembu jantan tidak boleh memberikan warisan, tetapi Yesus Anak Allah memberikan kita Kerajaan-Nya! Lembu jantan hanya dapat hidup untuk sementara di atas bumi ini, tetapi Yesus adalah dari Bapa-Nya, dan pengorbanan-Nya adalah kekal untuk selama-lamanya dan untuk penghabisan kali.

Di dalam suatu petikan Injil, kita mendengar Yesus bertanya, "Di manakah bilik tamu yang disediakan bagi-Ku untuk makan Paska bersama-sama dengan murid-murid-Ku?" Ia adalah ruangan tersedia, yang 'aneh' untuk penggunaan Guru. Pada hari ini, ruangan tersedia yang sama itu terdapat di mana jua Misa Suci dirayakan. Allah juga menunggu di sana, sedia untuk menerima korban kita. Dari generasi ke generasi, disebabkan kesengsaraan Yesus, Tubuh dan Darah-Nya, sakramen ini menjadi sumber and puncak tertinggi ke arah kejayaan. Ia juga merupakan suatu mesej akan penderitaan. Tanpa salib, tiada kebangkitan. Dan tanpa kebangkitan, kita tidak dapat memakai mahkota kejayaan.

Mengambil bahagian dalam perayaan ini juga bermaksud kita juga menjadi Tubuh dan Darah demi orang lain. **Yesus mempunyai cita-cita yang tinggi untuk kita**, walaupun kita menjalani kehidupan harian seperti biasa. Perjanjian Yesus, " Aku adalah korban" semasa perayaan Ekaristi menjemput kita untuk bersama-sama dengan orang lain, untuk menunjukkan belas kasihan, bersifat kemaafan, dan bersinar dengan semangat kemurahan hati. Melalui perjanjian-Nya, Yesus menganugerahkan kurniaan-Nya ke atas mereka yang sedang berada di dalam ruangan tersedia itu. Adakah kamu bersedia? †

Perkataan minggu
Yesus mempunyai cita-cita yang tinggi untuk kita.

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH HARI MINGGU PASKAH KE-10

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

TEMA BULANAN:

**Mengambilah, Memecahkanlah dan
Memberikanlah Dalam Kristus**

Bersatu Dalam Iman

Yesus mengatakan bahawa sesiapa yang melakukan kehendak Bapa-Nya adalah anggota keluarga-Nya. Oleh yang demikian, seperti keluarga Yesus yang menunggu di luar, kita juga boleh menjadi 'Satu' dengan keluarga-Nya, jika kita melakukan kehendak Bapa-Nya. Yesus mengatakan semua ini dikalangan orang ramai yang licik kerana Dia ingin menekankan kebenaran bahawa Allah menginginkan kita percaya kepada-Nya melalui Anak-Nya dan apa sahaja yang dilakukan-Nya.

Kesatuan bertumbuh sambil kita berjalan; ia tidak berhenti di setempat. Kesatuan berlaku apabila kita jalan bersama.

– Paus Franciskus


Anak Allah ialah Firman. Anak Allah menunjukkan perasaan kasih Bapa-Nya. Anak Allah ialah Perjanjian yang sempurna. Yesus juga mengatakan bahawa jika kita percaya kebenaran ini, kita tidak akan dihukumi. Yesus meminta kita supaya menunjukkan kesatuan itu, iaitu kesatuan yang tidak dapat dipecah belah oleh orang lain: "Jika sebuah keluarga berpecah belah dan saling berlawan, keluarga itu akan hancur". Allah Bapa, Putera dan Roh Kudus adalah Satu. Oleh yang demikian, kita juga mesti bersatu dalam Yesus.

Umat Israel tidak dapat memahami bagaimana orang yang istimewa ini dapat mengusir roh jahat dan melakukan banyak keajaiban yang lain. Oleh sebab ini, mereka menuduh-Nya. "Dia dirasuk Beelzebul!". Yesus menunjukkan tanda-tanda yang nyata tetapi orang ramai masih ingin melihat apa yang tidak ketara. Inilah apa yang dikatakan oleh Santo Paulus apabila dia membezakan antara apa yang "seketika" dan apa yang "kekal abadi". Orang ramai mahu melihat mukjizat tetapi tidak dapat melihat mukjizat yang terbesar. Mereka datang untuk mendapatkan sesuatu, tetapi tidak percaya kepada pendedahan yang terbesar mengenai Penampakan Tuhan – Yesus! Kita juga berdosa terhadap Roh Kudus jika kita tidak ambil berat terhadap kebenaran ini.

Pembacaan pertama menggambarkan suatu imej yang menakutkan, iaitu, sekor ular yang menarik Eva ke arah jalan yang sesat. Hukuman yang diberikan oleh Allah kepada ular itu adalah bahawa ia akan menjalar seumur hidupnya. Dengan ini, Allah jelas tentang dosa seperti ini - jika kita tidak percaya kepada-Nya, maka kita akan menanggung akibat dosa ini secara kekal. Iman kita, yang diakui dalam kesatuan, memastikan bahawa keluarga kita tidak akan berpecah belah. Apabila kita bersama-sama mengakui kepercayaan kita, Allah berasa gembira. Kita ini bukanlah umat yang "sementara" tetapi umat yang "kekal abadi". **Jika kita bersatu, kita tidak akan berada dalam keadaan huru-hara.** Kita berada dengan Bapa dalam segalanya kerana kita percaya pada Anak-Nya. Kesatuan ini sebagai "satu keluarga" membenarkan kita berjalan dalam Roh Kudus dan Kebenaran, dan bersama penulis mazmur mengatakan, "kerana Dia tetap mengasihi dan sentiasa bersedia menyelamatkan kamu." †

Perkataan mingguan

Jika kita bersatu, kita tidak akan berada dalam keadaan huru-hara.



Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH HARI MINGGU PASKAH KE-11

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

Berilah sesuatu, walaupun ia kecil, kepada orang yang dalam keperluan. Kerana ia bukan kecil bagi orang yang tidak mempunyai apa-apa. Ia juga tidak kecil bagi Tuhan jika kita memberi apa yang kita mampu.

- Santo Gregory dari Nazianzus

Kerajaan Allah. Dalam perumpamaan pertama, Yesus menerangkan bahawa kita adalah bernih yang ditanam dan bertumbuh sampai masa untuk menuai dengan pimpinan Allah. Selepas itu, kita akan digantikan oleh orang lain supaya mereka juga dapat bertumbuh. Melalui perumpamaan kedua, Yesus mengajar bahawa Kerajaan Allah adalah seperti biji sawih, yang walaupun amat kecil, akan bertumbuh menjadi sebuah pokok yang besar dan memberi tempat teduh kepada ramai orang. Dengan ini, Yesus menyamakan pertumbuhan iman and aksi kita yang menentukan siapakah diri kita, dimasak, dimakan dan terlaksana sehingga kita sendiri tidak wujud lagi.

Dengan perlahan Yesus membisik kepada kita ahwa masa hidup kita di dunia ini akan tamat pada suatu hari kelak, dan juga terdapat suatu pesanan yang bersembunyi mengenai 'hayat simpanan' kita. Leh yang demikian masa adalah sengkat bagi setiap orang. Walaupun kita tahu apa yang patut kita lakukan, kita masih berlengah-lengah. Kita ingin memasuki syurga tetapi enggan berfikir tentang kematian kita. Mungkin ini adalah sebab kita tidak dapat melihat apa yang akan berlaku di masa depan kita. Maka, kita mesti meneruskan perjalanan kita ini dalam iman, dan bukan dengan penglihatan. Kita mengetahui bahawa kita akan menghadapi masa penuaian kita pada suatu hari nanti, tetapi kita masih terus hidup seolah-olah kita akan hidup kekal untuk selama-lamanya.

Santo Paulus menekankan hakikat bahawa tubuh dan nyawa kita tidak akan kekal selama-lamanya. Pada suatu masa akan datang, kita akan berdiri dihadapan Hakim kita, iaitu Yesus. Yesus akan menghakimi samada kita telah bertumbuh menjadi sebuah pokok, dan samada kita telah membantu orang lain bertumbuh. Jika kita dapat menerima realiti bahawa tubuh dan nyawa adalah sementara sahaja dan sedang menuju ke arah suatu destinasi baru, ada kemungkinannya kita dapat melihat muka Yesus dalam jiran kita, dan seterusnya membantu mereka bertumbuh menjadi lebih "penting" dan lebih "baik" daripada kita. **Pada asasnya, kita mesti menabur bernih supaya orang lain dapat menuai hasilnya.**

Seperti yang ditekankan dalam Pembacaan pertama: "Aku akan menebang pokok yang tinggi, dan membuat pokok yang rendah tinggi, dan melayukan pokok yang hijau, dan membuat pokok yang kering menghijau." Allah boleh melakukan sedemikian! Oleh itu, apa jua situasi atau kedudukan anda dalam kehidupan pada ketika ini, jangan berputus asa. Berjalanlah dalam iman, bertumbuhlah dalam iman dan hiduplah dalam iman. †

Perkataan
mingguan

Pada asasnya, kita mesti menabur bernih supaya orang lain dapat menuai hasilnya.

TEMA BULANAN:

**Mengambilah,
Memecahkanlah dan
Memberikanlah
Dalam Kristus**

Berjalan
Dalam Iman.
Bukan Dengan
Penglihatan

Banyak kali Yesus memberi keterangan mengenai Kerajaan Allah. Boleh dikatakan bahawa Yesus sentiasa berasa gembira apabila mengongsikan perumpamaan-perumpamaan tentang Kerajaan Allah. Yesus sendiri datangnya dari Kerajaan tersebut, dan Dia mengatakan bahawa kita pun dapat memasuki Kerajaan itu. Pada minggu ini, Yesus memberi dua contoh mengenai

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

KELAHIRAN YOHANES PEMBAPTIS

M E N J A D I M U R I D - M U R I D H A R A P A N

TEMA BULANAN:

Mengambilillah, Memecahkanlah dan Memberikanlah Dalam Kristus

DIBENTUK DENGAN CARA YANG SANGGUT MENGAGUMKAN

Sudah nyata bahawa Allah telah merancang dengan sungguh teliti kedatangan Anak-Nya. Allah sangat mengasihi manusia sehingga Dia memberikan Anak-Nya. Allah juga telah merancang supaya adanya seorang pesuruh, iaitu Yohanes, anak Elizabeth, untuk mengkhabarkan kedatangan Anak-Nya. Pada masa itu, orang ramai tinggal secara terselerak dan bertaburan di sana sini. Oleh



Jika engkau menjadi siapa yang engkau patut menjadi, seluruh dunia akan dibakar dengan api kehidupanmu.

- Santa Katarina dari Sienna

yang demikian, seorang pesuruh memainkan peranan yang penting, iaitu mengumpulkan dan menyediakan orang ramai untuk kedatangan 'Seorang' yang lebih AGUNG, iaitu Yesus. Sememangnya, orang ramai sungguh hairan dengan Yohanes Pembaptis, terutama sekali selepas ayahnya, Zakharia, menulis nama anaknya pada papan tulis dan kemudian dia dapat bercakap semula. Orang ramai memerhatikan bahawa cara hidup Yohanes Pembaptis berbeza dan mereka mengetahui bahawa dia seorang terpilih oleh Allah.

Jika dibandingkan dengan Yohanes Pembaptis, kedatangan Yesus lebih berbeza. Kedatangan Yesus telah dikhabarkan oleh Abraham dan Yakub, dan kemudiannya oleh Daud. Yesus merupakan karya yang termahir sekali daripada semua ciptaan Allah kerana melalui Yesus, Allah menampilkan kemuliaan-Nya. Inilah yang dimaskudkan oleh Nabi Yesaya apabila dia mengatakan, "Tetapi Aku akan membuat engkau menjadi terang bagi bangsa-bangsa supaya keselamatan yang daripada-Ku sampai ke ujung bumi." Lihatlah bagaimana Allah Yang Maha Berkuasa mengkaryakan segalanya, dan semua yang dikaryakan-Nya itu adalah sungguh mengagumkan.

Bagaimana dengan kehidupan kita pula? **Allah yang mengkaryakan Yohanes dan Yesus juga telah mengkaryakan kita** dan mengenali kita sebelum kita berada di dalam rahim ibu kita. Ya, Allah sentiasa berkarya dan Dia melakukannya dengan senang kerana beban-Nya sangat ringan. Yohanes mengetahui peranannya yang rendah, iaitu untuk menyediakan jalan bagi Yesus: "Sehingga menjinjing kasut-Nya pun Aku tidak layak." Sememangnya, Yesus sudah mengetahui bahawa Dia adalah Tuhan Yang Maha Besar.

Bagaimana pula dengan kita? Adakah kita pernah merenung tentang siapakah kita ini dan apakah panggilan hidup kita? Jika kita belum dapat memberi jawapan bagi soalan-soalan ini, marilah kita, seperti yang dikatakan oleh pengarang mazmur, "Aku bersyukur kepada-Mu oleh kerana kejadianku dahsyat dan ajaib..." Apabila kita berbuat demikian, kita menyerahkan segalanya ke dalam tangan Allah, iaitu, tangan sama yang telah mengkaryakan Yohanes supaya menjadi kudus, tangan yang mengkaryakan Yesus, Raja dan Saudara kita, dan tangan ilahi sama yang telah mengkaryakan setiap orang daripada kita. †

Perkataan minggu

Allah yang mengkaryakan Yohanes dan Yesus juga telah mengkaryakan kita.